



GARIS PANDUAN

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

VERSI 2



MAJLIS
PERBANDARAN SIBU

DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN TRANSFORMASI
DAN INOVASI, MPS



MAJLIS PERBANDARAN SIBU

© 2025, Majlis Perbandaran Sibu

Hak reka cipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh dihasilkan, disalin, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan semula, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan sebarang cara - elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain, tanpa kebenaran Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Sibu, Sarawak.

Sebarang pertanyaan mengenai dokumen ini boleh ditujukan kepada

**Setiausaha Perbandaran
Tingkat 19-24, Wisma Sanyan,
No.1, Jalan Sanyan,
Peti Surat 557,
96007 Sibu,
Sarawak.**

- ✉ smc@smc.gov.my
- 🌐 <https://smc.gov.my>
- 📞 084-333411
- 📞 084-320240





PRAKATA



Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang.

Bersyukur kita kerana Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi Majlis Perbandaran Sibu (MPS) yang telah berjaya diwujudkan. Inisiatif penerbitan garis panduan EKSA MPS ini adalah untuk menyokong usaha dalam memperkuatkan budaya organisasi yang berprestasi tinggi di kalangan warga MPS selain menjadi rujukan ke arah pelaksanaan aktiviti EKSA dengan lebih berkesan serta mewujudkan MPS berimej korporat.

EKSA adalah merupakan penjenamaan semula Amalan 5S yang merupakan satu usaha untuk memantapkan pengurusan persekitaran kerja yang lebih kondusif bagi meningkatkan produktiviti dan melahirkan warga sektor awam yang berinovatif serta kreatif. Antara elemen EKSA yang diterapkan adalah pembudayaan amalan hijau atau *go green* yang sememangnya relevan dengan MPS.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA, Majlis Perbandaran Sibu atas penerbitan Garis Panduan Pelaksanaan EKSA MPS Versi 2. Semoga warga MPS dapat memanfaatkan panduan ini sebaik-baiknya dalam menambahbaik pelaksanaan EKSA di MPS bagi mewujudkan persekitaran yang selesa dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”
“AN HONOUR TO SERVE”

**SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN SIBU**



ISI KANDUNGAN

Prakata	ii
Tujuan	1
Latar Belakang	1
Pengenalan	1
Komponen Utama EKSA	2
Faedah Pelaksanaan	3
Pelaksanaan EKSA	4
• Polisi/Dasar EKSA	4
• Objektif EKSA	4
• Slogan EKSA & Maksud	5
• Logo EKSA & Maksud	5
Peranan Jawatankuasa	6
• Pengerusi	6
• Timbalan Pengerusi	6
• Fasilitator	7
• Penyelaras	7
• Sekretariat	7
• Jawatankuasa Promosi	8
• Jawatankuasa Audit Dalam	8
• Jawatankuasa Latihan	9
• Jawatankuasa EKSA Zon	9
• Ketua-Ketua Zon	10
• Ahli-Ahli	10
Penwujudan Zon	11

ISI KANDUNGAN

Jawatankuasa Pelaksana EKSA	12
• Jawatankuasa Induk EKSA	12
• Jawatankuasa Promosi/Audit/Latihan EKSA	12
• Jawatankuasa EKSA Peringkat Zon	13
Keperluan Sudut EKSA	14
• Sudut EKSA Induk	14
• Sudut EKSA Zon	15
Keperluan Fail EKSA	16
• Jawatankuasa Induk	16
• Jawatankuasa Audit Dalam	17
• Jawatankuasa Latihan	18
• Jawatankuasa Promosi	19
• Zon EKSA	20
Tindakan Pelaksanaan EKSA	21
• Komponen A: Keperluan Utama Pelaksanaan	22
• Komponen B: Ruang Tempat Kerja	22
• Komponen C: Tempat Umum	23
• Komponen D: Keselamatan Persekitaran	24
• Komponen E: Kawasan Persekitaran Jabatan	24
• Komponen F: Khusus	24
Pelaksanaan Audit Dalam	25



ISI KANDUNGAN

Pensijilan EKSA	26
• Proses Pensijilan EKSA	26
• Tempoh Sah Laku Sijil	26
• Permohonan Rasmi	27
• Kos	27
• Sijil EKSA MPS	28
Penutup	29
Lampiran	30

TUJUAN

Garis Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi Majlis Perbandaran Sibu (MPS) bertujuan:

- Sebagai panduan kepada warga Majlis Perbandaran Sibu (MPS) untuk melaksanakan EKSA mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan;
- Memberi penerangan yang jelas tentang konsep pelaksanaan EKSA yang mesti dipatuhi;
- Sebagai usaha untuk mengekalkan amalan EKSA; dan
- Sebagai rujukan kepada Audit Dalam untuk melaksanakan pengauditan EKSA di setiap zon.

LATAR BELAKANG

Seiringan dengan usaha mentransformasi perkhidmatan awam, pemantapan dalam pengurusan persekitaran tempat kerja perlu dilaksanakan bagi meningkatkan imej korporat dan profesionalisme organisasi.


Pelaksanaan EKSA di Majlis Perbandaran Sibu merupakan rentetan dari pelaksanaan Amalan 5S yang telah dilaksanakan sebelum ini. Bagi memenuhi agenda kerajaan dalam mentransformasikan perkhidmatan awam ke arah yang lebih cekap, berproduktif dan berdaya saing, pihak pengurusan Majlis Perbandaran Sibu telah mengambil inisiatif melaksanakan EKSA di Majlis Perbandaran Sibu.

PENGENALAN

EKSA telah diperkenalkan sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan bagi mengetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya lebih relevan kepada jabatan/agensi sektor awam di Malaysia. Langkah penjenamaan semula ini difikirkan sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam. Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA masih berteraskan Amalan 5S yang ditambahbaik di samping beberapa elemen baharu yang diperkenalkan.

KOMPONEN UTAMA EKSA

Komponen utama dalam EKSA masih berteraskan Amalan 5S dengan keterangan seperti berikut :




Amalan 5S ditambah baik dengan penambahan lima (5) elemen baharu EKSA iaitu seperti rajah berikut :



FAEDAH PELAKSANAAN

Faedah pelaksanaan EKSA di Majlis Perbandaran Sibu ialah seperti rajah berikut :



PELAKSANAAN EKSA



Bagi mempertingkatkan perkhidmatan masyarakat dengan kesesuaian persekitaran kerja menerusi kerjasama kumpulan dan disiplin diri demi kejayaan pelaksanaan amalan EKSA.



- Memastikan persekitaran dan suasana kerja yang sentiasa bersih, kemas dan selamat sepanjang masa;
- Memupuk semangat kerja berpasukan dan kekitaan serta bermotivasi di kalangan warga kerja;
- Mempertingkatkan produktiviti dan kualiti di samping mempertingkatkan tahap kepuasan pelanggan; dan
- Menerapkan penyelenggaraan sebagai budaya kerja yang berterusan.

PELAKSANAAN EKSA


SLOGAN EKSA DAN MAKSUD

SLOGAN:

 **HIJAU
HARMONI
PRODUKTIF**

HIJAU	Menekankan amalan hijau dalam kalangan warga MPS dengan program seperti kitar semula dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga ke arah penjimatkan sumber.
HARMONI	Mencerminkan suasana kerja yang kondusif dan selamat serta penekanan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang mesra pelanggan termasuklah elemen " <i>delighting customers</i> " seperti penyediaan kemudahan orang kurang upaya (OKU), wanita mengandung, dan warga emas.
PRODUKTIF	Menunjukkan peningkatan kecekapan dan kualiti kerja warga MPS melalui pengurusan persekitaran yang sistematik dan teratur.

LOGO EKSA DAN MAKSUD



PERANAN JAWATANKUASA

Pengerusi

- Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan Amalan EKSA;
- Membentuk pelan tindakan pelaksanaan Amalan EKSA;
- Menetapkan polisi/dasar, peraturan dan garis panduan;
- Menentukan belanjawan dan sumber-sumberkewangan;
- Melantik penyelaras, ketua jawatankuasakecil dan fasilitator;
- Menetapkan sistem pengiktirafan/penghargaan;
- Mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan dengan bantuan Jawatankuasa Kecil (Latihan, Promosi & Audit Dalam);
- Memantau kemajuan pelaksanaan Amalan EKSA melalui contoh amalan terbaik; dan
- Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA.

Timbalan Pengerusi

- Membantu Pengerusi dalam keseluruhan pelaksanaan Amalan EKSA;
- Membentuk pelan tindakan pelaksanaan Amalan EKSA
- Menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan bersama dengan Pengerusi;
- Memantau belanjawan dan sumber-sumber kewangan;
- Memantau penyelaras, ketua jawatankuasa kecil dan fasilitator;
- Memantau sistem pengiktirafan/penghargaan;
- Membantu dalam mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan (Latihan, Promosi & Audit Dalam);
- Memantau kemajuan pelaksanaan Amalan EKSA melalui contoh amalan terbaik; dan
- Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA bagi pihak Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi

PERANAN JAWATANKUASA

Fasilitator

- Memberikan latihan dan panduan kepada ketua zon dan ahli;
- Memastikan semua kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan
- Menentukan pembahagian zon;
- Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan pelaksana; dan
- Menyelaras dan memantau aktiviti.

Penyelaras

- Menjadualkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA secara berkala;
- Menyelaras program Amalan EKSA;
- Melaporkan kemajuan status pelaksanaan Amalan EKSA;
- Membantu dalam pengurusan aktiviti promosi, latihan dan audit; dan
- Menghebahkan maklumat terkini pelaksanaan Amalan EKSA dalam organisasi.

Sekretariat

- Menjadi urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA;
- Menyimpan rekod utama dan minit berkaitan dengan pelaksanaan Amalan EKSA;
- Memastikan promosi, audit dan latihan dilaksanakan mengikut perancangan; dan
- Memastikan aktiviti Pelaksanaan Amalan EKSA dijalankan secara sistematik dan berterusan.

PERANAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa Promosi

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi Amalan EKSA;
- Mengenalpasti aktiviti/kempen promosi bagi memupuk kesedaran penyertaan untuk menjayakan pelaksanaan Amalan EKSA (Contoh: menyediakan flyer, brosur, banner dan mengambil gambar berkaitan EKSA);
- Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan;
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran Amalan EKSA di kalangan warga jabatan/agensi;
- Menyimpan dan mengemaskini fail dokumen JK Promosi;
- Memberi anugerah secara berkala kepada kumpulan pemenang bagi menghargai penyertaan; dan
- Menganjurkan pertandingan antara zon untuk mengekalkan aktiviti Amalan EKSA.

Jawatankuasa Audit Dalam

- Menyediakan dan menyemak kriteria audit dalam Amalan EKSA dari semasa ke semasa mengikut keperluan;
- Menentukan kekerapan aktiviti audit dalam Amalan EKSA;
- Menjalankan audit dalam EKSA (2 kali setahun);
- Menyediakan laporan dan analisis keputusan audit dalam Amalan EKSA;
- Menyediakan Laporan Penilaian Kendiri (Self-Assessment) Amalan EKSA kepada MAMPU (selepas setahun menerima pensijilan); dan
- Menyimpan dan mengemaskini fail dokumen Jawatankuasa Audit Dalam.

PERANAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa Latihan

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk budaya Amalan EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi;
- Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti Amalan EKSA;
- Menyelaras dan memastikan setiap warga kerja diberikan latihan Amalan EKSA secukupnya;
- Menyimpan dan mengemaskini fail dokumen Jawatankuasa Latihan; dan
- Mengadakan lawatan sambil belajar/ penandaarasan ke organisasi yang mengamalkan Amalan EKSA.

Jawatankuasa EKSA Peringkat Zon

- Membentuk hala tuju dan pelan perancangan di peringkat zon;
- Membentuk jawatankuasa peringkat Zon;
- Mengenalpasti pelaksanaan EKSA peringkat Zon;
- Melaksana aktiviti-aktiviti EKSA peringkat Zon;
- Memantau pelaksanaan EKSA peringkat Zon;
- Memastikan keseragaman pelaksanaan EKSA seperti mana yang dinyatakan dalam Garis Panduan EKSA Majlis Perbandaran Sibu yang terkini;
- Menyediakan Sudut EKSA zon di lokasi yang strategik; dan
- Menyediakan dan sentiasa mengemaskini fail EKSA peringkat Zon.

PERANAN JAWATANKUASA

Ketua-Ketua Zon

- Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan ahli-ahli kumpulan;
- Menggalakkan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan aktiviti Amalan EKSA;
- Merancang aktiviti kumpulan;
- Memberikan maklum balas mengenai status pelaksanaan Amalan EKSA kepada fasilitator; dan
- Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli kumpulan; dan
- Mengemaskini sudut EKSA.

Ahli - Ahli

- Memberikan komitmen secara berterusan dalam pelaksanaan Amalan EKSA;
- Menyertai aktiviti Amalan EKSA secara aktif;
- Bekerjasama dalam kumpulan; dan
- Menghadiri mesyuarat dan menyumbangkan idea bagi menjayakan pelaksanaan Amalan EKSA.

PENWUJUDAN ZON

Tujuan penwujudan Zon EKSA adalah bagi memudahkan pelaksasanaan & pengawasan aktiviti EKSA yang dijalankan. Senarai 16 zon yang terlibat dalam pelaksanaan EKSA Majlis Perbandaran Sibu ialah :

Zon Hibiscus Rosa Sinensis

- Bahagian Pentadbiran (Bahagian Khidmat Pengurusan & Bahagian Pembangunan Komuniti dan Korporat) (P2L23)

Zon Cup Saucer

- Sesyen Sumber Manusia & Seksyen Transformasi & Inovasi (PIL23)

Zon Scarlet Red

- Bahagian Kejuruteraan (P2L22)

Zon Wood Bridge

- Bahagian Kejuruteraan (PIL22)

Zon Black Prince

- Depo (Seksyen Jalan & Penyelenggaraan)

Zon Black Dragon

- Depo (Seksyen Depo & Mekanikal)

Zon Pink Powder Puff

- Seksyen Kawalan Bangunan (P2L21)

Zon Bright Hope

- Seksyen Landskap (PIL21)
- Unit Perundangan & Pengurusan Kontrak (PIL21)

Zon Fire Truck

- Nurseri (Unit Tapak Semaian)

Zon RITT 470

- Bahagian Kesihatan & Perkhidmatan Bandar (PIL20 & P2L20)

Zon Frank's Lady

- Bahagian Pencukaian, Penilaian & Pengurusan Harta (P2L19)

Zon Exquisite

- Bahagian Kewangan (PIL19)

Zon Aloha

- Bahagian Penguatkuasa

Zon Fiery Light

- Seksyen Pengendalian Tempat Letak Kereta

Zon Vasco

- Seksyen Kolam Renang (Kolam Renang Delta)

Zon President


- Seksyen Perpustakaan (Perpustakaan Awam, Jalan Keranji)

JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA

Jawatankuasa Induk EKSA



Jawatankuasa Promosi / Audit / Latihan EKSA



JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA



Jawatankuasa EKSA Peringkat Zon



(Nota : Bilangan ahli dan AJK-AJK kecil yang ditubuhkan di peringkat Zon tertakluk kepada keputusan zon masing-masing [contoh : AJK Keceriaan, AJK Kebersihan dan lain-lain yang berkaitan])

KEPERLUAN SUDUT EKSA

- Kaedah penyaluran penyampaian adalah secara fizikal dengan menggunakan ruang pejabat (seperti dinding/ papan kenyataan) atau secara maya; dan
- Tarikh kemas kini semua dokumen/ bahan sudut EKSA wajib dilengkapi dengan tandatangan oleh Setiausaha Perbandaran/ Pemangku Setiausaha Perbandaran/ Pegawai yang diturunkan kuasa perlu dipamerkan.

Sudut EKSA Induk

- Lokasi Sudut Eksa Induk: Ruang Legar Tingkat 24
- Sudut EKSA induk perlu meliputi perkara-perkara seperti yang berikut:

a. Dasar Polisi

c. Carta Organisasi EKSA Induk

d. Slogan EKSA

b. Logo EKSA

h. Gambar SEBELUM dan SELEPAS Aktiviti

f. Carta Perbatuan Jawatan-kuasa Induk

e. Pelan Lantai

i. Tarikh Kemaskini Sudut EKSA

g. Informasi/Hebahan
(Catatan: Untuk tujuan promosi, informasi yang dipamer melibatkan makluman/gambar bagi aktiviti seperti gotong-royong, Anugerah/Penghargaan dan slot Buletin EKSA)

j. Sijil EKSA (Setelah dipersijilkan)

KEPERLUAN SUDUT EKSA

Sudut EKSA Zon

☞ Sudut EKSA setiap zon perlu meliputi perkara-perkara seperti yang berikut:



Keperluan Fail EKSA

► Jawatankuasa Induk

BIL	TAJUK	KANDUNGAN
1.	Pengenalan	i. Garis Panduan EKSA
2.	Carta Organisasi	i. Jawatankuasa Induk ii. Jawatankuasa Pelaksana iii. Zon
3.	Carta Perbatuan	i. Induk ii. Jawatankuasa Pelaksana
4.	Minit Mesyuarat	i. Induk
5.	Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM & SELEPAS)	i. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA ii. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama
6.	Audit Dalaman	i. Semua perkara berhubung dengan audit dalam
7.	Lain-Lain	Maklumat dokumen tambahan seperti memo, surat, rekod belanjawan, maklum balas, laporan, dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan aktiviti EKSA selain daripada yang dinyatakan dalam jadual di atas.

Keperluan Fail EKSA

► Jawatankuasa Audit Dalam

BIL	TAJUK	KANDUNGAN
1.	Pengenalan	i. Garis Panduan EKSA
2.	Carta Organisasi	i. Jawatankuasa Audit Dalam
3.	Carta Perbatuan	i. Jawatankuasa Audit Dalam
4.	Minit Mesyuarat	i. Jawatankuasa Audit Dalam
5.	Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM & SELEPAS)	i. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA ii. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama
6.	Audit Dalaman	i. Kriteria Audit Dalam ii. Laporan penemuan audit dalam
7.	Lain-Lain	Semua perkara yang berhubung dengan audit dalam

Keperluan Fail EKSA

► Jawatankuasa Latihan

BIL	TAJUK	KANDUNGAN
1.	Pengenalan	i. Garis Panduan EKSA
2.	Carta Organisasi	i. Jawatankuasa Latihan
3.	Carta Perbatuan	i. Jawatankuasa Latihan
4.	Minit Mesyuarat	i. Jawatankuasa Latihan
5.	Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM & SELEPAS)	i. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA ii. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama
6.	Latihan/Kursus /Taklimat	i. Borang Penilaian Latihan/Kursus/Taklimat ii. Analisa Penilaian Latihan/Kursus/Taklimat iii. Aktiviti Lawatan Penandaarasan yang diadakan dan diterima
7.	Lain-Lain	Maklumat dokumen tambahan seperti memo, surat, rekod belanjawan, maklum balas, laporan dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan aktiviti EKSA selain daripada yang dinyatakan dalam jadual di atas.

Keperluan Fail EKSA

► Jawatankuasa Promosi

BIL	TAJUK	KANDUNGAN
1.	Pengenalan	i. Garis Panduan EKSA
2.	Carta Organisasi	i. Jawatankuasa Promosi
3.	Carta Perbatuan	i. Jawatankuasa Promosi
4.	Minit Mesyuarat	i. Jawatankuasa Promosi
5.	Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM & SELEPAS)	i. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA ii. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama
6.	Informasi/Hebahan EKSA	i. Maklumat informasi/hebahan EKSA ii. Aktiviti informasi/hebahan EKSA iii. Best Practices iv. Laporan Lawatan Penandaarasan EKSA MPS
7.	Lain-Lain	Maklumat dokumen tambahan seperti memo, surat, rekod belanjawan, maklum balas, laporan dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan aktiviti EKSA selain daripada yang dinyatakan dalam jadual di atas.

Keperluan Fail EKSA

► Zon EKSA

BIL	TAJUK	KANDUNGAN
1.	Pengenalan	i. Garis Panduan EKSA
2.	Carta Organisasi	i. Jawatankuasa zon
3.	Pelan Lantai	i. Pelan lantai zon
4.	Carta Perbatuan	i. Carta perbatuan zon
5.	Minit Mesyuarat	i. Mesyuarat zon
6.	Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM & SELEPAS)	i. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA ii. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama
7.	Analisa Penjimatan	i. Laporan analisa penjimatan
8.	Kreativiti dan Inovasi Zon	i. Amalan kreativiti dan inovasi zon
9.	Lain-Lain	Maklumat dokumen tambahan seperti memo, surat, rekod belanjawan, maklum balas, laporan dan lain-lain dokumen yang berkaitan EKSA selain daripada yang dinyatakan dalam jadual di atas

TINDAKAN PELAKSANAAN EKSA

Penekanan terhadap pelaksanaan EKSA terbahagi kepada 6 komponen utama merangkumi keseluruhan persekitaran tempat kerja di Majlis Perbandaran Sibu iaitu;



***NOTA: SILA RUJUK LAMPIRAN 1
UNTUK KRITERIA AUDIT DALAM
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) MPS**

TINDAKAN PELAKSANAAN EKSA

A1: Dasar EKSA



A2: Jawatankuasa
Pelaksana EKSA



A3: Penglibatan
Pengurusan Atasan



A4: Penilaian Kendiri
(*Self-Assessment*)



A5: Pengiktirafan

A6: Pembudayaan
Kreativiti dan Inovasi



A7: Tindakan
Penjimatatan/Go Green

KOMPONEN

A

**KEPERLUAN
UTAMA
PELAKSANAAN**

[FIZIKAL]

B1: Lantai

B2: Dinding dan Siling

B3: Lampu dan Soket

KOMPONEN

B

**RUANG TEMPAT
KERJA/PEJABAT**

B4: Susun Atur Peralatan

B5: Keadaan Peralatan


B6: Pelabelan dan Papan
Tanda/Tanda Arah

B7: Perhiasan


B8: Keperluan Umum

[KEPERLUAN UMUM]

TINDAKAN PELAKSANAAN EKSA



TINDAKAN PELAKSANAAN EKSA



PELAKSANAAN AUDIT DALAM

Audit Dalam EKSA MPS perlu dilaksanakan sebagai penilaian kendiri pelaksanaan EKSA di MPS. Audit Dalam MPS perlu dijadualkan secara berkala untuk memastikan penambahbaikan dibuat secara berterusan dalam memastikan EKSA sentiasa diamalkan dengan jayanya di MPS.

Audit Dalam dilaksanakan oleh juruaudit yang dilantik oleh MPS. Langkah yang terlibat pelaksanaan audit dalam adalah seperti yang berikut:

Langkah 1: Membentuk Pasukan Audit Dalam

- Jawatankuasa Audit Dalam EKSA perlu mengenalpasti, melatih dan melantik juruaudit untuk melaksanakan aktiviti audit dalam EKSA.
 - Jawatankuasa ini juga perlu:
 - Menyediakan kriteria Audit Dalam EKSA; dan
 - Menentukan kekerapan aktiviti Audit Dalam EKSA.

Langkah 2: Latihan Audit EKSA

Pasukan audit dalam EKSA hendaklah diberi latihan untuk memastikan urusan audit dalam EKSA dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Langkah 3: Mengaudit Prestasi EKSA

- Pasukan audit dalam akan menjalankan audit dalam seperti yang telah dijadualkan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Audit;
- Melaksana Audit Pematuhan/Audit Dalam secara berterusan sama ada oleh jawatankuasa dalam atau agensi luar/lain sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun; dan
- Mengemukakan Laporan Penilaian Kendiri kepada MAMPU selepas setahun menerima pensijilan.

Langkah 4: Mengumumkan Penemuan Audit

- Ketua Jawatankuasa Audit Dalam EKSA hendaklah melaporkan penemuan audit dalam kepada Pengurus Jawatankuasa Pelaksana EKSA.
- Penemuan turut dimaklumkan kepada ketua dan semua warga jabatan/agensi.

PENSIJILAN EKSA

Proses Pensijilan EKSA

- i. Pensijilan EKSA akan dinilai dan diberikan kepada MPS oleh pihak MAMPU.
- ii. Pensijilan akan dikeluarkan oleh pihak MAMPU jika MPS berjaya memperoleh markah purata 80% dan ke atas. Pecahan markah bagi pensijilan adalah seperti pada rajah berikut:

MARKAH	KATEGORI SIJIL
90.0%-100.0%	Cemerlang
80.0%-89.9%	Baik


Tempoh Sah Laku Sijil

- i. Tempoh sah laku sijil EKSA adalah selama dua (2) tahun dan tarikh ini dipaparkan dalam sijil EKSA.
- ii. Permohonan pembaharuan sijil EKSA daripada MAMPU perlu dibuat satu (1) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku sijil.

PENSIJILAN EKSA

Permohonan Rasmi

Permohonan rasmi untuk mendapatkan pensijilan EKSA perlu dikemukakan kepada MAMPU bersama-sama Laporan audit dalam yang dibuat sebanyak dua (2) kali serta mencapai purata markah 80.0% dan ke atas selewat-lewatnya sebulan sebelum tarikh pengauditan yang dicadangkan. Permohonan rasmi boleh dibuat, melalui surat dialamatkan kepada Ketua Pengarah MAMPU di alamat berikut:



Kos

Tiada sebarang bayaran dikenakan bagi tujuan pensijilan EKSA oleh MAMPU. Namun begitu, kos tuntutan perjalanan, penginapan dan elaun makan oleh pasukan juruaudit MAMPU ditanggung oleh pihak jabatan diaudit.





SIJIL EKSA MPS



PENUTUP

Secara kesimpulan, Panduan Pelaksanaan EKSA di Majlis Perbandaran Sibu (MPS) ini merupakan rujukan kepada warga MPS dalam pengurusan persekitaran kerja yang lebih kondusif, bersih, selesa, dan selamat. Melalui EKSA semangat berpasukan, persaingan sihat dan nilai organisasi yang positif dapat dipupuk dalam kalangan MPS. EKSA juga dapat meningkatkan kesedaran berkaitan pengurusan sumber dengan lebih efisien dan kos yang efektif. Oleh itu, pelaksanaan EKSA yang berkesan dapat menjadi amalan setiap hari akan mewujudkan persekitaran yang kondusif di samping menjadikan warga MPS lebih rasional seterusnya memantapkan lagi imej MPS dalam sektor awam.





LAMPIRAN 1:

KRITERIA AUDIT DALAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)





KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH
A1) Dasar EKSA						
1 Menyediakan garis panduan selaras dengan Dasar EKSA agensi.	Garis panduan tidak disediakan		Garis panduan disediakan kepada sebahagian warga agensi		Garis panduan disediakan kepada semua warga agensi	
2 Menyebar Dasar dan Garis Panduan EKSA serta memastikan semua warga kerja memahaminya.	Dasar dan Garis Panduan EKSA tidak disebarluaskan		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarluaskan dan difahami oleh sebahagian warga		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarluaskan dan difahami oleh semua warga	



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN		1	2	3	4	5	MARKAH
3	Memastikan EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh semua warga agensi.	EKSA tidak diamalkan dan dipatuhi oleh warga agensi		EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh sebahagian warga agensi		EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh semua warga agensi	
4	Memastikan dokumentasi berkaitan pelaksanaan EKSA disusun dengan teratur dan sentiasa dikemas kini termasuk perkara berikut: i. Minit mesyuarat ii. Surat lantikan Jawatankuasa iii. Laporan aktiviti Jawatankuasa	Dokumentasi tidak teratur dan tidak dikemas kini		Sebahagian dokumentasi teratur dan dikemas kini		Semua dokumentasi teratur dan dikemas kini	
5	Mewujudkan keseragaman pelaksanaan EKSA seperti ketetapan agensi/ garis panduan yang dibangunkan oleh agensi.	Tiada keseragaman		Keseragaman pada sebahagian agensi		Keseragaman pada keseluruhan agensi	



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN		1	2	3	4	5	MARKAH
6	a) Menyediakan dan memaparkan sudut EKSA di tempat yang strategik (secara maya atau fizikal) dan mengandungi perkara seperti yang berikut: i. Dasar/Polisi EKSA jabatan ii. Carta organisasi iii. Gambar aktiviti sebelum dan selepas iv. Pelan lantai v. Carta perbatuan semasa vi. Informasi/ hebahan vii. Tarikh kemas kini sudut EKSA	Sudut EKSA tidak disediakan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi dua perkara seperti yang dicadangkan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi tiga hingga empat perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadangkan serta dipaparkan secara kreatif dan inovatif	
	b) Memastikan maklumat dan bahan yang dipaparkan sentiasa dikemas kini dan dalam keadaan baik.	Tidak terkini dan tidak berada dalam keadaan baik		Sebahagian sahaja yang terkini dan dalam keadaan baik		Terkini dan berada dalam keadaan baik	



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH
A2) Jawatankuasa Pelaksana EKSA						
7 a) Membentuk dan melantik Jawatankuasa pelaksana EKSA yang terdiri sekurang-kurangnya tiga Jawatankuasa seperti yang berikut: i. Jawatankuasa Latihan ii. Jawatankuasa Promosi iii. Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa pelaksana tidak dibentuk dan tidak dilantik		Jawatankuasa pelaksana dibentuk dan dilantik tetapi hanya mempunyai satu hingga dua jawatankuasa yang disyorkan		Jawatankuasa pelaksana dibentuk dan dilantik serta mempunyai semua jawatankuasa yang disyorkan	
b) Melantik fasilitator terlatih sebagai pakar rujuk pelaksanaan EKSA.	Fasilitator tidak dilantik		Fasilitator dilantik tetapi tidak terlatih		Fasilitator dilantik dan terlatih	



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN		1	2	3	4	5	MARKAH
8	Merancang dan melaksana program/ aktiviti EKSA secara berkala seperti yang berikut: i. Menyedia dan mengemas kini carta perbatuan aktiviti ii. Menyebar maklumat latihan, promosi dan audit iii. Melaksana program pengayaan ilmu	Program/ aktiviti EKSA tidak dirancang dan dilaksanakan		Program/ aktiviti EKSA dirancang tetapi tidak dilaksanakan		Program/ aktiviti EKSA dirancang dan dilaksanakan	

A3) Penglibatan Pengurusan Atasan

9	Melibatkan pengurusan atasan sebagai penaung/ penasihat EKSA.	Pengurusan atasan bukan penaung/ penasihat EKSA				Pengurusan atasan sebagai penaung/ penasihat EKSA	
---	---	---	--	--	--	---	--



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN		1	2	3	4	5	MARKAH
10	Melibatkan pengurusan atasan dalam aktiviti EKSA seperti program kesedaran/ pendedahan dan lawatan.	Program tidak dilaksanakan	Mempunyai program kesedaran/ pendedahan yang kurang aktif	Mempunyai program kesedaran/ pendedahan yang aktif tanpa penglibatan pengurusan atasan	Mempunyai program kesedaran/ pendedahan yang aktif dengan sebahagianya melibatkan pengurusan atasan	Mempunyai program kesedaran/ pendedahan yang aktif dengan penglibatan pengurusan atasan sepenuhnya	
11	Membentang dan melaporkan pelaksanaan aktiviti EKSA dalam mesyuarat pengurusan.	Aktiviti EKSA tidak dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan		Sebahagian aktiviti EKSA dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan		Semua aktiviti EKSA dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan	



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH
						A4) Penilaian Kendiri (Self Assessment)
12	Melaksana audit pematuhan/ audit dalam secara berterusan sama ada oleh Jawatankuasa dalaman atau agensi luar/ lain sekurang-kurangnya dua kali setahun.	Audit dalam tidak dilaksanakan		Audit dalam dilaksanakan sekali dalam satu tahun		Audit dalam dilaksanakan mengikut jadual
13	Menyebarluaskan hasil/ laporan audit dalam untuk makluman dan tindakan susulan warga agensi.	Hasil/ laporan audit dalam tidak disebarluaskan		Hasil/ laporan audit dalam disebarluaskan kepada sebahagian warga		Hasil/ laporan audit dalam disebarluaskan kepada semua warga
14	Mengemukakan Laporan Penilaian Kendiri kepada MAMPU selepas setahun menerima pensijilan (hanya untuk pensijilan semula).	Laporan Penilaian Kendiri tidak dikemukakan kepada MAMPU				Laporan Penilaian Kendiri dikemukakan kepada MAMPU



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH
A5) Pengiktirafan						
15 Melaksanakan proram pengiktirafan EKSA di peringkat agensi seperti contoh anugerah yang berikut: i. Zon Terbaik ii. Bilik Pegawai Terbaik iii. Bahagian Terbaik iv. Kubikel Kerja Terbaik v. Tandas Terbaik vi. Hasil Kreativiti Terbaik vii. Stor Terbaik	Program pengiktirafan tidak dilaksanakan	Satu hingga dua program pengiktirafan dilaksanakan	Sekurang-kurangnya tiga program pengiktirafan dilaksanakan	Empat program pengiktirafan dilaksanakan	Lima atau lebih program pengiktirafan dilaksanakan	
16 Menerima pengiktirafan dan ditanda aras sama ada di peringkat jabatan/daerah/negeri/kebangsaan atau lain-lain.	Tiada pengiktirafan diterima/tidak ditanda aras oleh agensi lain		Menerima pengiktirafan tetapi tidak ditanda aras oleh agensi lain		Menerima pengiktirafan dan ditanda aras oleh agensi lain	



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN		1	2	3	4	5	MARKAH
17	Menyebarluaskan dan mempamerkan maklumat mengenai program pengiktirafan kepada semua warga agensi.	Program pengiktirafan tidak disebarluaskan		Program pengiktirafan disebarluaskan dan dipamerkan kepada sebahagian warga		Program pengiktirafan disebarluaskan dan dipamerkan kepada semua warga	

A6) Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi

18	Melaksanakan inovasi/amalan baik (<i>best practice</i>) yang boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja warga.	Program inovasi/amalan baik (<i>best practice</i>) tidak dilaksanakan				Program inovasi/amalan baik (<i>best practice</i>) dilaksanakan	
----	---	---	--	--	--	---	--



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH
--------------------------------	---	---	---	---	---	--------

A6) Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi

19	Melaksanakan program kreativiti dan inovasi seperti contoh yang berikut: <ul style="list-style-type: none">i. Kreativiti menggunakan barang terpakaiii. Barang terpakai untuk hiasaniii. Hiasan/ kegunaan EKSA	Program kreativiti dan inovasi tidak dilaksanakan				Program kreativiti dan inovasi dilaksanakan	
----	---	---	--	--	--	---	--

A7) Tindakan Penjimatatan/ Go Green

20	a) Melaksanakan program penjimatatan tenaga/ sumber secara menyeluruh seperti contoh-contoh berikut: <ul style="list-style-type: none">i. Notis/arahan penjimatatan tenagaii. Penggunaan lampu/ peralatan jimat tenaga (<i>save energy</i>)iii. Penjimatatan kertasiv. Penjimatatan airv. Kempen Hijau	Tidak melaksanakan program penjimatatan tenaga		Melaksanakan sekurang-kurangnya dua program penjimatatan tenaga		Melaksanakan sekurang-kurangnya tiga program penjimatatan tenaga	
----	---	--	--	---	--	--	--



KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH
b) Melaksanakan program/usaha kitar semula peringkat agensi.	Tiada program usaha kitar semula dilaksanakan				Program kitar semula dilaksanakan	
c) Menyediakan analisis penjimatan, contohnya: i. Kos ii. Masa iii. Tenaga Pekerja iv. Ruang	Tiada analisis penjimatan disediakan				Analisis penjimatan disediakan	

JUMLAH SKOR (KOMPONEN A)

Jumlah Markah: $/120 \times 100\% =$ %

(Jumlah Markah Diperoleh Dibahagi dengan Jumlah Penuh bagi Semua Kriteria yang Berkaitan X 100%)

** Kriteria audit dalam tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Audit Dalam mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa.



KOMPONEN B

RUANG TEMPAT KERJA/ PEJABAT	1	2	3	4	5	MARKAH
FIZIKAL						
B1) Lantai						
1	Memastikan lantai memenuhi kriteria yang berikut: i. Selamat dan tidak licin ii. Tiada kekotoran/ sampah di lantai iii. Tidak berlubang/ pecah atau rosak iv. Tong sampah disediakan	Tidak bersih	Bersih dan memenuhi satu kriteria	Bersih dan memenuhi dua kriteria	Bersih dan memenuhi tiga kriteria	Bersih dan memenuhi semua kriteria
2	Menyediakan program pemantauan dan memastikan jadual pembersihan dipatuhi.	Tiada program pemantauan		Menyediakan program pemantauan tetapi tidak dipatuhi		Menyediakan program pemantauan dan dipatuhi



KOMPONEN B

RUANG TEMPAT KERJA/ PEJABAT		1	2	3	4	5	MARKAH
B2) Dinding dan Siling							
3	Memastikan dinding dan siling bersih daripada kekotoran dan dalam keadaan baik.	Dinding kotor dan rosak		Dinding dalam keadaan baik tetapi tidak bersih		Dinding dalam keadaan baik dan bersih	
4	Menyediakan hiasan yang bersesuaian dan selaras dengan imej korporat.	Hiasan keterlaluan dan tidak bersesuaian		Hiasan sederhana tetapi tidak selaras dengan imej korporat		Hiasan bersesuaian dan selaras dengan imej korporat	
B3) Lampu dan Soket							
5	Memastikan semua lampu bersih, berfungsi dan dalam keadaan baik.	Ada lampu yang rosak		Semua lampu berfungsi		Semua lampu bersih, berfungsi dan dalam keadaan baik	



KOMPONEN B

RUANG TEMPAT KERJA/ PEJABAT		1	2	3	4	5	MARKAH
6	Memastikan soket elektrik berfungsi dan dalam keadaan baik.	Soket elektrik tidak berfungsi		Sebahagian soket elektrik berfungsi dan dalam keadaan baik		Semua soket elektrik berfungsi dan dalam keadaan baik	

KEPERLUAN UMUM

B4) Susun Atur Peralatan

7	Menyeragamkan susunan laci meja. Kekaki boleh bergerak (<i>mobile pedestal</i>). Susunan laci meja/ <i>mobile pedestal</i>: a. Laci paling atas dilabelkan “ALAT TULIS” dan dikhaskan penggunaannya kepada alat-alat tulis dan disusun kemas mengikut kreativiti pegawai	Susunan laci meja/ kekaki boleh bergerak (<i>mobile pedestal</i>) tidak seragam		Sebahagian susunan laci meja/ kekaki boleh bergerak (<i>mobile pedestal</i>) seragam		Semua susunan laci meja/ kekaki boleh gerak (<i>mobile pedestal</i>) seragam	
---	---	---	--	--	--	--	--



KOMPONEN B

RUANG TEMPAT KERJA/ PEJABAT	1	2	3	4	5	MARKAH
KEPERLUAN UMUM						
B4) Susun Atur Peralatan						
7	b. Sekiranya bilangan laci meja yang dibekalkan tidak seragam (kurang atau lebih), maka keutamaan penyimpanan adalah kepada peralatan kegunaan harian pejabat seperti alat tulis, buku catatan dan dokumen rasmi c. Sekiranya dua (2) tingkat laci meja dibekalkan, maka tiada laci	Susunan laci meja/ kekaki boleh bergerak (<i>mobile pedestal</i>) tidak seragam		Sebahagian susunan laci meja/ kekaki boleh bergerak (<i>mobile pedestal</i>) seragam		Semua susunan laci meja/ kekaki boleh gerak (<i>mobile pedestal</i>) seragam



KOMPONEN B

RUANG TEMPAT KERJA/ PEJABAT	1	2	3	4	5	MARKAH
KEPERLUAN UMUM						
B4) Susun Atur Peralatan						
7	menempatkan alatan/ barang peribadi pegawai	Susunan laci meja/ kekaki boleh bergerak (<i>mobile pedestal</i>) tidak seragam		Sebahagian susunan laci meja/ kekaki boleh bergerak (<i>mobile pedestal</i>) seragam		Semua susunan laci meja/ kekaki boleh gerak (<i>mobile pedestal</i>) seragam
8	Memastikan peralatan kerja di ruang kerja/ kubikel dalam keadaan teratur dan kemas: <ol style="list-style-type: none">KomputerDulang (<i>Tray</i>) Keluar/ MasukFolder/ failPerhiasan tidak keterlaluanKedudukan laci	Semua peralatan tidak teratur dan tidak kemas		Sebahagian peralatan teratur dan kemas		Semua peralatan teratur dan kemas



KOMPONEN B

KOMPONEN B							
RUANG TEMPAT KERJA/ PEJABAT		1	2	3	4	5	MARKAH
B5) Keadaan Peralatan							
9	Menyusun alat tulis dengan kemas dan teratur di atas meja/ dulang (<i>tray</i>)/ dalam laci.	Alat tulis tidak disusun dengan kemas dan teratur		Sebahagian alat tulis disusun dengan kemas dan teratur		Semua alat tulis disusun dengan kemas dan teratur	
10	Memastikan semua peralatan dalam keadaan baik dan boleh digunakan.	Semua peralatan tidak dalam keadaan baik dan tidak boleh digunakan		Sebahagian peralatan dalam keadaan baik dan boleh digunakan		Semua peralatan dalam keadaan baik dan boleh digunakan	
11	Memastikan tanda/ label bersesuaian bagi barang yang disimpan dalam ruang tertentu/ laci.	Tiada tanda/ label bagi barang yang disimpan		Sebahagian barang yang disimpan bertanda/ berlabel		Semua barang yang disimpan bertanda/ berlabel	



KOMPONEN B

RUANG TEMPAT KERJA/ PEJABAT		1	2	3	4	5	MARKAH
12	Memastikan semua peralatan bebas daripada debu, bersih dan kemas.	Semua peralatan berdebu, tidak bersih dan tidak kemas		Sebahagian peralatan berdebu, tidak bersih dan tidak kemas		Semua peralatan tidak berdebu, bersih dan kemas	
